

Newspaper	MALAYSIA KINI
Date	20 APRIL 2016

## Zaid tak tolak Dr M ditangkap selepas pilihan raya S'wak

Malaysiakini – 20 Apr 2016

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim tidak menolak kemungkinan Tun Dr Mahathir Mohamad ditahan selepas pilihan raya negeri Sarawak bulan depan. Beliau berkata demikian ketika catatan terbaru di blog semasa menceritakan sesi soal jawab dengan kira-kira 300 sukarelawan dari Parti Amanah Negara (AMANAH) di Kelantan semalam.

Walaupun menjadi pengkritik paling lantang pentadbiran BN dan dituduh menjaja pembohongan serta fitnah untuk menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, namun bekas perdana menteri itu masih bebas untuk meneruskan kempennya.

Baru-baru ini, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar mendedahkan bahawa Mahathir disiasat mengikut empat perkara. Pemerhati mendakwa bahawa Putrajaya khuatir terhadap tindak balas politik, terutama di kalangan orang Melayu, jika bekas perdana menteri berusia 90 tahun itu ditahan.

Sementara itu, dalam jawapan beliau kepada soalan jika Mahathir boleh dipercayai, Zaid menjawab: “Selagi beliau bersama kita, ya kita boleh (percaya), kerana pertembungan beliau dengan Najib adalah benar dan sengit, tidak seperti serangannya ke atas Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi).”

“Saya tidak menolak kemungkinan Najib menahan beliau selepas pilihanraya negeri Sarawak.

“Tiada jalan untuk beliau kembali bersama Umno di bawah Najib. Tetapi jika beliau masuk semula Umno selepas Najib sekalipun, kita tidak rugi apa-apa kerana Umno akan musnah selepas itu,” tambahnya.

### Soalan-soalan lain yang dikemukakan ialah:

*Kenapa (Presiden PKR) Dr Wan Azizah Wan Ismail dan (Naib Presiden PKR) Nurul Izzah Anwar tidak bersama dalam Kempen Selamatkan Malaysia?*

Mereka tidak menerima Mahathir Mohamad sebagai teraju dalam gerakan ini. Mereka tidak fikir beliau orang yang layak untuk mendesak reformasi.

*Kenapa Tengku Razaleigh Hamzah sokong Najib?*

Ku Li adalah ahli Umno yang hidup dan bernafas dengan Umno, jadi dia harus sokong presiden parti.